



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

**KENYATAAN AKHBAR**  
**YB MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**  
**SEMPENA SAMBUTANMINGGU PENYUSUAN SUSU IBU SEDUNIA 2019**  
**“CAKNAKAN IBUBAPA, JAYAKAN PENYUSUAN”**

1. Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia disambut pada 1 hingga 7 Ogos setiap tahun di seluruh dunia. Tahun ini merupakan tahun yang ke-27ianya disambut. Sambutan ini memmanifestasikan komitmen terhadap usaha mempromosi, melindungi dan menyokong penyusuan susu ibu. Dengan komitmen ini anak-anak dapat dilindungi daripada pelbagai penyakit semasa bayi dan seterusnya mengurangkan risiko penyakit setelah dewasa.
2. Tema sambutan pada tahun ini adalah **“CAKNAKAN IBUBAPA, JAYAKAN PENYUSUAN - *Bertindak sekarang demi masa depan*” (EMPOWER PARENTS, ENABLE BREASTFEEDING – *Now and for the future!*)**. Tema ini menekankan kepentingan usaha pelbagai pihak dalam mewujudkan rangkaian sokongan bagi menyediakan persekitaran yang berupaya memperkasakan ibu untuk menyusukan anak secara optima. Sokongan daripada pasangan, keluarga, majikan, rakan sekerja dan komuniti akan memberi impak yang lebih besar dalam membudayakan amalan penyusuan susu ibu di Malaysia.
3. Sehubungan itu, perkara-perkara berikut perlu ditekankan:
  - Ibu atau bakal ibu bapa perlu mendapatkan ilmu asas penyusuan seawal mengandung daripada sumber yang sahih;
  - Para suami dan ahli keluarga perlu peka tentang keperluan ibu semasa tempoh menyusu, membantu ibu menyusu serta dan memberi sokongan emosi dan kasih sayang.
  - Rakan sekerja perlu memberi empati, sokongan moral dan membantu meringankan tugas ibu menyusu.

- Kumpulan sokongan penyusuan susu ibu perlu terus menerus memberi sokongan dan berkongsi pengalaman untuk memotivasikan para ibu.
  - Masyarakat sekeliling perlu prihatin kepada keperluan ibu menyusui terutama di tempat awam, memberi empati dan sokongan emosi.
  - Majikan di sektor kerajaan swasta perlu menyediakan persekitaran yang kondusif kepada ibu-ibu, termasuk menyediakan pusat jagaan bayi dan kanak-kanak, kemudahan untuk ibu memerah dan menyimpan susu ibu, bilik kata usudut penyusuan serta melaksanakan waktu kerja yang baik.
4. Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia III (2016-2025) menggariskan pelbagai strategi dalam menjayakan penyusuan susu ibu. Antara strategi tersebut adalah memperkukuh pelaksanaan Inisiatif Hospital Rakan Bayi, Klinik Rakan Bayi serta Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan; advokasi pemakanan; latihan untuk anggota kesihatan; dan penyebaran maklumat melalui media massa serta media sosial. Sehingga kini, terdapat 157 buah hospital yang telah mendapat pengiktirafan Hospital Rakan Bayi, termasuk kesemua 137 buah hospital kerajaan dan 20 buah hospital swasta. Manakala sebanyak 670 buah klinik kesihatan seluruh Malaysia telah diiktiraf sebagai Klinik Rakan Bayi. Bagi menyediakan Malaysia sebagai sebuah negara yang "Mesra Bayi", diharapkan semua hospital swasta di Malaysia melaksanakan inisiatif ini.
5. Kementerian Kesihatan Malaysia menyeru semua ibu bapa serta keseluruhan rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang, agama dan bangsa untuk terus menyokong dan melindungi penyusuan susu ibu demi kelestarian generasi kita yang akan datang.

**YB DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD**

**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**1 OGOS 2019**